

Keratan Akhbar bertarikh 29 Julai 2016

Utusan Malaysia



Pembinaan jejambat atasi kesesakan simpang empat Dengkil

SEPANG 28 Julai - Masalah kesesakan di simpang empat Dengkil di sini bakal berakhir setelah kerajaan meluluskan pembinaan jejambat dua hala bagi laluan Putrajaya menghala ke Kota Warisan melibatkan perbelanjaan hampir RM100 juta.

Ahli Dewan Undangan (ADUN) Dengkil, Shahrum Mohd. Sharif berkata, pembinaan jejambat yang diluluskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu akan bermula pada April tahun hadapan dan dijangka siap dalam masa dua tahun.

Beliau berkata, Kementerian Kerja Raya ketika ini dalam proses mengeluarkan tender untuk pembinaan jejambat itu selepas kajian menyeluruh dilakukan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Masalah kesesakan pada waktu puncak adakala sehingga lebih lima kilometer membabitkan laluan dari Putrajaya ke Kota Warisan dan juga sebaliknya. Laluan ini juga jalan utama untuk ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2."

"Selepas beberapa kali permohonan dibuat akhirnya projek ini diluluskan. Terima kasih kerana prihatin dengan masalah penduduk setempat dan pengguna